

## BAB EMPAT

### KESAN SEMANGAT BUSHIDO DI DALAM BUDAYA MASYARAKAT JEPUN MODEN

#### 4.0 Pengenalan

Masyarakat Jepun hari ini telah memiliki sebuah peradaban yang tersendiri. Hakikat tentang kajian terhadap budaya sesebuah bangsa perlulah mempertimbangkan persoalan sumber terhadap pembentukan budaya tersebut seperti perihal pengaruh alam sekitar, agama dan kemasukan pengaruh dari luar. Secara sedar atau tidak, masyarakat Jepun hari ini sebenarnya sedang mengamalkan satu corak budaya yang berlandaskan kepada prinsip-prinzip yang terdapat di dalam kod *bushido*.

Sebelum meneliti dengan lebih terperinci tentang kesan peranan semangat *bushido* di dalam budaya masyarakat Jepun moden, maka perlulah terlebih dahulu kita memahami tentang pengertian “budaya”. “Budaya” merujuk kepada kemajuan akal dan budi iaitu menyentuh soal daya upaya dan kebijaksanaan serta cara berkelakuan.<sup>1</sup> Dengan perkataan lain, masyarakat yang bertamadun atau mempunyai peradaban adalah masyarakat yang memiliki tingkat kemajuan pada kehidupan jasmani dan rohaninya. Kemajuan jasmani dan rohani tersebut pula dinilai daripada taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan pemikiran seperti aspek sosial, budaya, politik dan lain-lain<sup>2</sup>

Bushido (*Way of warrior*) telah berperanan penting dengan menerapkan nilai dan etika dalam kehidupan masyarakat Jepun pada hari ini. Tawakami Tasuke menjelaskan :

*"Bushido which had originally developed from the practical necessities of worriers, come to be popularized by confucian moral ideas, not only of the morality of the warrior class but as the cornerstone of national moral."<sup>3</sup>*

Penjelasan di atas adalah menyentuh tentang fungsi *bushido* sebagai landasan atau dasar kepada pembentukan nilai etika serta moral bagi masyarakat Jepun. Merujuk kepada perkembangan sejarah, selepas Jepun mengalami kekalahan dalam Perang Dunia Kedua, Jepun mengalami keruntuhan yang amat teruk. Penduduk mengalami kemiskinan dan kebuluran akibat kesan kekalahan perang serta penyekatan yang dilakukan oleh SCAP ke atas negara Jepun. Pasukan militeri di Jepun juga telah dibubarkan bagi mengelakkan negara Jepun menjadi penakluk semula. Keadaan ini telah melumpuhkan ekonomi, politik dan sosial di Jepun.

Keadaan tersebut dan dihimpit itu, telah memberikan satu sokongan moral yang tinggi di kalangan bangsa Jepun untuk bangun dan membina semula peradabannya yang telah runtuh. Justeru itu, bangsa Jepun mula merujuk kembali kepada kepada peradaban silamnya yang penuh kegemilangan. Sejarah telah membuktikan kepada bangsa Jepun bahawa dengan penerapan dan pengamalan kod *bushido* oleh kelas samurai pada zaman pertengahan Jepun, mereka telah diangkat sebagai sebuah kelas yang tinggi. Mereka telah berfungsi bukan sahaja sebagai perlindung kepada masyarakat malah kelas sateria ini telah berjaya menjadi pentadbir Jepun iaitu semasa era keshogunan Tokugawa. Di mana ketika itu Jepun dibangunkan sendiri oleh bangsa Jepun tanpa hubungan serta campurtangan dari dunia luar. Bangsa Jepun telah mengambil iktibar daripada perkembangan sejarah tersebut.

Untuk membentuk negara baru yang telah hancur bukanlah sesuatu yang mudah. Ia bergantung kepada kualiti bangsa itu sendiri serta memerlukan satu landasan dasar yang

benar-benar kukuh untuk dipijak bersama oleh masyarakatnya. Oleh yang demikian, hanya melalui pengamalan kod *bushido* sahaja akan dapat membentuk bangsa yang berdisiplin, bersungguh-sungguh serta memiliki semangat yang tinggi bagi membina semula peradaban Jepun.<sup>4</sup>

Berdasarkan penjelasan tadi, memperlihatkan bahawa kejayaan Jepun adalah kerana modal sosialnya atau modal budaya yang ada dalam bangsanya.<sup>5</sup> Dan kebanyakan modal sosial yang dimiliki oleh bangsa Jepun diperolehi daripada kod *bushido* yang pernah diamalkan dalam zaman pertegahan Jepun. Menurut Francis Fukuyama dalam bukunya *Trust*, 1998 menyatakan bahawa :

*"Bangsa Jepun bergerak secara kolektif dan berbudaya group-oriented serta memiliki disiplin diri yang tinggi dalam kehidupan. Keadaan tersebut boleh dianggap sebagai modal sosial bangsa Jepun."*<sup>6</sup>

Sehubungan dengan penerangan di atas, maka persoalan yang akan dibincangkan dalam bab ini ialah menyentuh tentang penyebaran semangat *bushido* di kalangan masyarakat Jepun dan juga tentang kesan semangat *bushido* di dalam membentuk corak dan budaya hidup masyarakat Jepun pada hari ini. Perbincangan dibahagikan kepada beberapa aspek iaitu melibatkan aspek etika ekonomi *bushido*, mentaliti dan sosio-budaya orang Jepun serta aspek yang menyentuh soal politik atau kenegaraan.

#### **4.1 Penyebaran Dan Pengaruh Semangat Bushido Di Kalangan Masyarakat**

##### **Jepun**

Kod Bushido diwujudkan untuk membentuk satu kelas pahlawan Jepun yang benar-benar berwibawa sesuai dengan tugasnya sebagai pelindung kepada tuan-tuan tanah serta pengawal kepada aktiviti para petani. Jelasnya, dengan pengamalan terhadap kod *bushido* maka kelas samurai telah mencapai status yang tinggi dalam kelas sosial di Jepun. Golongan Samurai telah berjaya meletakkan diri mereka setara dengan kelas bangsawan yang hampir dengan kedudukan maharaja. Dengan adanya pengaruh yang tinggi membolehkan golongan samurai muncul sebagai pemerintah semasa era pentadbiran keshogunan.

Dengan kata lain, *bushido* telah membentuk satu cara hidup dan sistem etika yang tinggi darjatnya. Di awal perkembangannya, *bushido* hanya menerangi rukun militeri dan golongan yang mengamalkan *bushido* pada zaman pertengahan Jepun hanyalah terdiri daripada kelas samurai yang hanya berjumlah lima peratus daripada penduduk Jepun. Persoalannya sekarang bagaimana *bushido* dapat menyebarkan pengaruhnya ke dalam seluruh sanubari masyarakat Jepun sehingga digelar sebagai jiwa bangsa Jepun ?

Emerson menyatakan bahawa :“ Dalam mana-mana satu kumpulan, kita hanya perlu seorang yang bijak dan ia akan merebak dan seluruh kumpulan akan menjadi bijak.” Dari kenyataan tadi, maka dapatlah dijelaskan bahawa pengaruh moral akan mudah merebak apatah lagi di kalangan bangsa yang sememangnya mengamalkan corak hidup berkumpulan seperti bangsa Jepun.

Kelas sosial di Jepun telah menetapkan piawaian sosial yang tinggi terhadap kelas samurai. Meskipun mereka tidak bercampur gaul dengan kelas lain namun mereka telah banyak menunjukkan tauladan yang baik dengan memelihara kebajikan dan memberikan kebahagiaan terhadap bangsa Jepun di era peperangan. Justeru itu, meskipun golongan samurai yang mengamalkan *bushido* amat kecil tetapi pengajaran tentang sikap dan moral serta budi yang ditaburkan oleh golongan ini begitu meluas sehingga menjadi tauladan kepada lapisan masyarakat Jepun yang lain. Contohnya di dalam cerita-cerita klasik, novel, persembahan *kabuki* dan sebagainya. Tema utama yang sering diketengahkan adalah tentang kehebatan pahlawan Jepun seperti keperwiraan Yoshitsune, Benkai, Soga, cerita tentang Nobunaga, Hideyoshi, Momotaro dan lain-lain.

Secara tidak langsung, samurai telah menjadi “*beau ideal*” kepada seluruh bangsa Jepun. Bagi kaum lelaki pula, mereka menganggap samurai sebagai tuan mereka kerana samurai adalah lelaki sebenar bagi orang Jepun. Oleh yang demikian kelihatan di dalam bidang pemikiran sama ada dalam keintelektualan maupun moral di Jepun adalah hasil dari prinsip kehulubalangan ini sehingga ia menjadi aspirasi dan inspirasi seluruh negara Jepun. Walaupun rakyat tidak dapat mengikuti sifat luhur dan mulia seperti yang terkandung di dalam prinsip *bushido* yang sebenar tetapi *bushido* telah memberi satu bentuk semangat kepada bangsa Jepun sehingga membentuk peribadi bangsa yang berkualiti.

Tambahan pula, sifat *bushido* terus-menerus dipupuk di kalangan bangsa Jepun selama lebih 700 tahun sehingga melahirkan satu kekuatan fizikal yang menggerakkan bangsa dan negara Jepun. Meskipun selepas kejatuhan era keshogunan, sistem feudal yang menjadi penaung kepada keutuhan pengamalan *bushido* telah dihapuskan namun semangat

*bushido* tetap wujud di dalam diri golongan yang pernah menjadi samurai. Golongan samurai yang telah menjadi rakyat biasa tetap mengaplikasikan unsur moral dan etika *bushido* sama ada dalam pekerjaan baru atau pun kehidupan sehari-hari mereka.

Yoshida Shoin iaitu seorang pengkaji tentang bangsa Jepun menyatakan bahawa *bushido* adalah baik untuk masa lampau dan masa kini. Ia menjadi semangat yang membentuk kuasa penggerakkan negara Jepun. Henry Norman pula adalah seorang pakar Timur Jauh yang mengkaji tentang faktor pembentukan masyarakat Jepun moden menjelaskan bahawa Peradaban Jepun amat berbeza dengan peradaban lain kerana ia memiliki pengaruh yang kuat dalam kod kehormatan bangsanya.<sup>7</sup>

Secara ringkasnya dapatlah dikatakan bahawa kejayaan negara terletak pada keupayaan masyarakatnya yang boleh mendatangkan peluang dan hasil iaitu dari segi pembaharuan teknologi dan penggurusan sumber. Segalanya akan dapat dibentuk sekiranya suatu bangsa itu mampu untuk mengatur manusia itu sendiri seperti menepati masa, menekankan prestasi kerja, disiplin diri, corak hidup, cara berfikir dan lain-lain. Bagi bangsa Jepun, segala budaya yang terbentuk hari ini adalah berdasarkan kepada satu rangka yang telah disusun pada zaman lampau iaitu *bushido* yang lebih merupakan satu semangat kelas yang pernah sebatи di dalam lingkungan hidup golongan samurai

## 4.2 Semangat Bushido Dalam Budaya Hidup Orang Jepun

### 4.2.1 Etika ekonomi Bushido

Sumber *bushido* adalah berdasarkan daripada mazhab *Zen* Budhisme yang menekankan soal meditasi dan pemupukan moral serta disiplin diri yang tinggi. Sejak Zaman Ashikaga (1392-1573), Sami-sami *Zen* berperanan penting dalam ekonomi Jepun. Ajaran *Zen* menekankan kepentingan terhadap melaksanakan pekerjaan dan mengurangkan sifat suka meminta-mintanya. Di samping itu, negara Jepun adalah negara pertanian. Oleh yang demikian, amat memerlukan sebuah bangsa yang rajin bekerja, sabar dan amat berjimat cermat.

Rentetan daripada corak hidup seumpama itu, maka ajaran *Zen* telah menekankan sifat rajin dalam diri penganutnya. Dan secara tidak langsung ajaran tersebut juga diperaktikan oleh golongan *bushi* atau samurai yang mengambilnya sebagai intipati dalam kod *bushido*. Oleh yang demikian, masyarakat Jepun hari ini yang masih mengamalkan semangat *bushido* memiliki nilai dan etika ekonomi *bushido* iaitu sifat seperti rajin, bersungguh-sungguh, tidak mudah berputus asa, sanggup menanggung risiko, bertanggungjawab terhadap sebarang pekerjaan yang dilakukan serta teliti dalam setiap perancangan atau pengurusan

#### a. Rajin

Bangsa Jepun dikenali sebagai bangsa yang memiliki etika kerja yang terbaik berbanding bangsa-bangsa lain di dunia. Bangsa Jepun adalah

bangsa yang rajin bekerja serta bersungguh-sungguh melaksanakan tanggungjawab yang diberikan. Menurut perangkaan kajian tentang etika kerja sebelum Perang Dunia Kedua, seorang buruh di Jepun bekerja selama 12 jam sehari. Menjelang 1980-an, rata-rata buruh industri di Jepun bekerja selama lebih dari 2200 Jam setahun. Perangkaan ini melebihi negara-negara barat seperti Amerika Syarikat dan Britain iaitu hanya 1950 Jam, Perancis 1700 jam dan Jerman 1600 jam setahun. Keadaan ini memperlihatkan bahawa bangsa Jepun adalah bangsa yang kuat bekerja.

Menurut penjelasan dari En. Jaafar Jambi dari Ambang Asuhan Jepun, Universiti Malaya, menjelaskan bahawa : “ Bangsa Jepun telah dilanda satu sifat iaitu kebanyakannya mereka akan bekerja sampai mati. Mereka rela melakukan apa sahaja demi mendapatkan kecemerlangan dalam pekerjaan.”<sup>8</sup> Menurutnya lagi : “terdapat beberapa faktor yang mendorong sifat orang Jepun ini iaitu yang utama adalah pegangan terhadap semangat *bushido*. ”

Seorang *bushi* amat mementingkan sifat rajin. Mereka akan berusaha sedaya upaya untuk memperolehi pencapaian yang tinggi dalam bidang kesateriaan. Sekiranya mereka tidak rajin berlatih dan tidak arif dalam ilmu kesateriaan, maka pastinya mereka akan mati dibunuh.

Perihal yang sama juga telah diaplikasikan oleh bangsa Jepun hari ini. Mereka terpaksa rajin untuk meneruskan hidup. Jepun adalah sebuah negara kepulauan yang sempit iaitu hanya 2.5 peratus kawasan yang boleh

didiami, 8 peratus kawasan sesuai untuk pertanian dan tiada sebarang sumber bahan mentah. Dan penduduk Jepun pula melebihi 120 juta orang. Justeru itu, seandainya penduduk Jepun tidak rajin bekerja maka mereka pastinya akan mati kebuluran.

Iklim di pulau utara Jepun amat sejuk ketika musim salji. Maka penduduk di pulau utara lazimnya terpaksa berhijrah ke selatan untuk bekerja dan keadaan ini telah membawa persaingan kerja yang amat tinggi di kawasan pulau selatan. Justeru itu, keadaan juga juga telah menuntut agar bangsa Jepun mengamalkan sifat rajin sebagaimana yang dipraktikkan oleh kaum samurai dahulu.

Tambahan pula, seluruh dunia mengatakan bahawa bangsa Jepun adalah bangsa yang rajin. Dari itu, adalah menjadi tanggungjawab kepada bangsa Jepun untuk membuktikan bahawa kenyataan tersebut adalah benar. Dalam kepercayaan Shinto juga menyatakan bahawa, bangsa Jepun adalah bangsa yang terpilih untuk memimpin bangsa-bangsa lain iaitu daripada keturunan dewa matahari. Justeru itu adalah menjadi tanggungjawab bangsa Jepun untuk memelihara kewajipan yang dianugerahkan kepada bangsa mereka. Keadaan ini juga berkaitan dengan semangat *bushido* yang menekankan soal malu seandainya orang lain tahu kelemahan diri mereka. Oleh yang demikian, mereka sanggup melakukan apa sahaja untuk membuktikan keupayaan diri mereka dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diberikan.

## b. Mementingkan Pengalaman Daripada Kelulusan

Dalam etika kesateriaan, seorang yang memiliki ilmu kepahlawanan yang tinggi akan dihormati. Sehubungan dengan itu, maka kelas samurai mendapat penghormatan di kalangan masyarakat Jepun kerana mereka adalah golongan yang bukan sahaja memiliki ilmu kepahlawanan tetapi juga mengamalkan prinsip-prinsip moral yang baik dalam kehidupan seharian.

Dalam zaman moden, penghormatan turut diberikan kepada mereka yang berpengalaman terutamanya di dalam syarikat-syarikat di Jepun. Seorang pekerja baru akan menganggap *senior* sebagai gurunya. Berdasarkan ikatana hormat antara *junior* dan *senior* seperti ikatan antara guru dan murid maka akan mewujudkan hubungan yang baik dan membolehkan pekerja baru belajar dan menimba pengalaman daripada pekerja yang lama.

Dari segi struktur upah pula, juga dinilai berdasarkan ciri kekananan dan dijangka masa berkhidmat. Ini bermakna, seorang pekerja yang telah lama berkhidmat di dalam syarikat akan mendapat upah yang tinggi. Justeru itu, orang Jepun lebih cenderung untuk terus bekerja di dalam syarikat yang sama. Keadaan ini dapat mengelakkan masalah pertukaran kerja di kalangan masyarakat Jepun.

Sehubungan dengan itu, secara tidak langsung ia juga amat berkaitan dengan konsep setia kepada ketua seperti yang diamalkan oleh

kaum samurai. Dimana ia melibatkan konsep *giri* iaitu seorang samurai akan melakukan apa sahaja tugas yang diberikan kepadanya dan sungguh mati demi menegakkan maruah ketuanya kerana ia terikat dengan kosnep terhutang budi. Dengan perkataan lain, seorang ketua atau Daimyo bertanggungjawab mengawasi anak buahnya ataupun samurai. Tanggungjawab tersebut dianggap sebagai sesuatu yang amat besar untuk dilaksanakan dan bagi membala jasa tersebut. Samurai akan rela melaksanakan apa sahaja suruhan ketuanya demi membala budi.

Keadaan yang sama telah dipraktikan dalam budaya kerja di Jepun pada hari ini. Seorang pekerja akan sanggup melakukan apa sahaja demi kejayaan syarikatnya kerana mereka terikat dengan konsep *giri* iaitu mereka terhutang budi dengan syarikat yang telah memberi pendapatan untuk menyara keluarga mereka. Scandainya mangalami kerugian sekalipun, pekerja tetap setia dan rasa bertanggungjawab untuk sama-sama membangunkan semula syarikat tersebut.

Ikatan scumpama ini dipupuk juga dengan dorongan daripada pihak pengurusan yang lazimnya amat menjaga kebajikan pekerja. Syarikat akan memberi pelbagai ganjaran kepada pekerjanya sebagai penghargaan terhadap bakti yang dicurahkan seperti berbentuk kenaikan pangkat secara adil dan pemberian bonus keuntungan syarikat kepada buruh yang rajin dan setia. Pihak pengurus sedar bahawa kejayaan syarikat adalah juga bergantung kepada jasa kaum buruh.

Berdasarkan corak dan etika kerja di atas maka akan melahirkan sikap bahawa tidak memilih kerja di kalangan orang Jepun kerana mereka sedar bahawa walau dimanapun mereka bekerja, pastinya mereka terpaksa bermula daripada tingkat yang paling bawah dan mereka perlu menimba seberapa banyak pengalaman demi mendapatkan ganjaran yang lumayan.

#### c. Perancangan Yang Teliti Dan Semangat Berkumpulan

Dalam miltierisme, setiap perancangan pastinya diatur dengan teliti, kemas dan berhati-hati kerana setiap misi yang ingin dilaksanakan merupakan penentuan kepada hidup atau mati. Dalam Kod *bushido*, perancangan yang teliti adalah merupakan satu tuntutan kepada setiap samurai dalam peperangan. Dalam menghadapi peperangan juga, samurai akan bergerak dalam kumpulan. Oleh itu, mendorong sikap semangat berkumpulan yang kuat terutamanya dalam membuat sebarang keputusan. Kedua-dua ini juga mewujudkan konsep “orang dalam” dan “orang Luar” iaitu orang dalam merujuk kaum sekelas atau sesuku, manakala orang luar pula merujuk orang asing.

Justeru itu kaedah yang sama telah diperaktikkan ke dalam etika pengurusan ekonomi Jepun. Setiap pengurus syarikat pastinya menyusun perancangan yang teliti bagi syarikatnya. Perancangan tersebut pula dirangka dalam jangkamasa yang lama sebelum ia dilaksanakan. Segala penilaian tentang kesan buruk atau baik dikenalpasti bagi memudahkan persediaan untuk menghadapi sebarang risiko.

Selain dari itu, setiap ahli kumpulan yang terlibat di dalam merangka perancangan adalah bertanggungjawab ke atas sebarang kemungkinan. Keadaan ini mendorong sikap dalam membuat keputusan oleh bangsa Jepun iaitu keputusan dibuat secara kolektif. Sikap seumpama ini penting agar setiap orang yang terlibat merasa bertanggungjawab terhadap perancangan yang dibuat.

Dengan perkataan lain, semangat pemikiran secara kolektif adalah untuk memastikan semua orang bertanggungjawab dan memberikan kerjasama dalam tugas yang ingin dilaksanakan. Kaedah seumpama ini juga telah diamalkan oleh pengurus-pengurus *Zaibatsu* sebelum Perang Dunia Kedua.

**d. Sikap Sanggup Menangung Risiko Dan Tidak Berputus Asa**

Bangsa Jepun adalah bangsa yang berani. Dalam kod *bushido* diketengahkan bahawa seorang *bushi* akan melakukan apa sahaja demi melaksanakan tanggungjawab yang diberi. Seandainya mereka tidak mampu melaksanakannya, maka mereka akan mendapat malu. Konsep malu dalam *bushido* membawa kepada penghinaan yang amat besar terhadap diri seseorang dan untuk menebus malu, maka mereka sanggup melakukan *hara kiri* iaitu membunuh diri dengan cara yang terhormat.

Semasa Perang Dunia Kedua, ramai tentera Jepun yang memiliki semangat *bushido* telah menggadaikan nyawa mereka demi melaksanakan tanggungjawab. Kebanyakan tentera Jepun ketika itu sanggup melakukan *kamikaze* bagi melaksanakan misi yang telah dirancang. Apabila matlamat dianggap lebih bernilai daripada kehidupan maka ketika itu nyawa dianggap sudah tidak bernilai dan mudah dikorbankan dengan hati yang tenang.

Dalam pembinaan jalan keretapi di Burma pula, tentera Jepun telah menggunakan pelbagai alternatif untuk mencapai matlamat yang telah dirancangkan. Buktinya jalan keretapi tersebut telah berjaya disiapkan dengan cara dibina di atas batang pokok. Meskipun ramai yang terkorban namun bagi orang Jepun, nyawa manusia itu adalah lebih rendah nilainya berbanding dengan tugas yang diberikan. Di dalam kod *bushido*, menghadapi kematian adalah lebih baik apabila hidup menjadi lebih susah daripada mati. Bagi seorang bushi, penghinaan yang paling besar dalam hidup adalah apabila seseorang itu tidak mampu melaksanakan tugas yang telah diberikan. Oleh itu bagi mereka perlaksanaan tugas adalah lebih penting daripada persoalan kematian.

Justeru itu, dalam pengurusan syarikat juga, semangat yang sama telah dipraktikkan. Orang Jepun berani melabor modal yang banyak dalam jangkamasa yang panjang serta sanggup menangung apa jua risiko. Prinsip moral seumpama itu amat penting dalam pengurusan perniagaan. Bagi pengusaha syarikat yang memiliki semangat *bushido*, sedangkan persoalan nyawa dan kematian sanggup mereka hadapi, inikan pula hanya persoalan

pengorbanan wang ataupun harta. Tambahan pula bangsa Jepun adalah bangsa yang tidak mudah berputus asa dalam apa-apa urusan sekalipun kerana mereka percaya bahawa seandainya berusaha bersungguh-sungguh pastinya mereka boleh berjaya. Oleh itu, kelihatan pada hari ini, kebanyakannya pengusaha di Jepun memiliki sikap berani menanggung risiko dan sanggup berkorban apa sahaja demi mencapai matlamat dan kejayaan dalam perusahaan yang mereka jalankan.

#### e. Berjimat Cermat

Orang Jepun memiliki sifat berjimat cermat yang tinggi. Ia juga adalah kesan daripada pengaruh semangat *bushido*. Mazhab Zen Budhisme menuntut agar kaum *bushi* menjalani kehidupan yang bersederhana dan sentiasa memikirkan tentang kehidupan di masa hadapan. Tambahan pula corak hidup yang menjalankan ekonomi bercorak penaman padi amat menuntut sikap berjimat cermat kerana hasil pendapatan diperolehi hanya sekali dalam setahun. Justeru itu, mereka harus bijak dalam menguruskan kewangan mereka.

Menurut perangkaan, pada tahun 1960-an orang Jepun menyimpan sebanyak 18% daripada kadar pendapatan mereka. Jumlah tersebut adalah yang tertinggi di dunia berbanding dengan negara lain seperti Amerika Syari'kat sebanyak 6 peratus, Perancis sebanyak 8 peratus, Jerman Barat sebanyak 13 peratus dan Britain sebanyak 5 peratus.

Sifat berjimat-cermat dan kadar menabung yang tinggi di kalangan bangsa Jepun membolehkan bank-bank di Jepun memperolehi struktur kewangan yang baik. Buktinya, satu daripada lapan buah bank yang tersenarai sebagai bank yang terbesar di dunia adalah dimiliki oleh orang Jepun.

#### f. Mementingkan Pendidikan

Sistem pendidikan awal di Jepun adalah diasaskan oleh golongan sami buddha. Banyak sekolah *Terakoya* didirikan bagi memberi pendidikan kepada anak-anak samurai tentang aspek moral dan nilai etika. Ini bermakna, sejak awal lagi masyarakat Jepun telah menyedari bahawa melalui pendidikan, mereka akan memperolehi pelbagai ilmu pengetahuan dan akan mendapat kedudukan yang tinggi dalam masyarakat.

Dalam budaya masyarakat Jepun moden juga, pendidikan amat ditekankan. Ibu bapa masyarakat Jepun sanggup melakukan apa sahaja demi memastikan agar anak-anak mereka mendapat pendidikan yang sempurna. Sesetengah ibubapa sanggup pergi ke sekolah untuk mendapatkan nota-nota pelajaran bagi anaknya yang terlantar sakit di rumah. Keadaan ini menjelaskan bahawa masyarakat Jepun amat mementingkan soal pendidikan di kalangan anak-anak mereka.

Buktinya, kadar buta huruf di Jepun adalah yang terendah di dunia iaitu hanyalah 0.7 peratus berbanding dengan Amerika Syarikat sebanyak

20 peratus. Justeru itu kebanyakkan pekerja di Jepun adalah terdiri daripada buruh mahir yang berpendidikan tinggi.

Buruh yang mahir, berpendidikan dan berkualiti dapat menukar struktur industri daripada intensif buruh kepada intensif teknologi. Teknologi yang diimport juga akan dikendalikan dan digunakan dengan sebaik mungkin. Menurut Dennis B Smith : “ *It has been explained that one of the factors that made possible the rapid growth of Japanese industry was the large annual of new recruits of the labour force.* ”<sup>9</sup>

R. Clark menyatakan bahawa, usahawan di Jepun adalah cergas, bertenaga, dan terlatih. Selain itu juruteknik Jepun pula bersedia meniru dan menggunakan pengetahuan dari negara lain seperti Amerika Syarikat dan Eropah untuk memajukan teknologi negara Jepun.<sup>10</sup> Kebolehan meniru dan mengadaptasi teknologi juga adalah amat berhubung kait dengan pendidikan kerana tanpa pengetahuan yang tinggi adalah mustahil bagi orang Jepun untuk membawa masuk teknologi baru dari negara lain.

#### **g. Daya Cipta Yang Tinggi**

Orang Jepun memiliki sifat daya cipta yang tinggi dan kebolehan dalam mengadaptasi sebarang teknologi yang diperolehi. Kebanyakkan teknologi baru dari Amerika Syarikat sering diubahsuai oleh orang Jepun dan menjadi 10 peratus lebih baik daripada ciri-ciri asal. John C. Thrush

menjelaskan bahawa : “ *Adapted the imported technology to their own needs through improvement and engineering.* ”<sup>11</sup>

Pada 1980. Jepun memiliki lebih dua ratus buah makmal penyelidikan elektronik dan biokimia. Dengan adanya penyelidikan, maka akan dapat meningkatkan mutu pengeluaran barang-barang keperluan. Menurut Sharidan M. Tatsune :“*The Japanese were essentially copycats...No longer today Japan is challenging us even here, on the slippery rock face of new ideas, innovations, new technologies*”<sup>12</sup>

Ezra F. Vogel dalam artikelnya “*Why Japan Can be so succesful*” menjelaskan tentang lima sifat orang Jepun yang membantu kemajuan ekonominya dan kelima sifat itu adalah kesan daripada semangat *bushido*<sup>13</sup> iaitu informasi, kerjasama, rancangan jangka panjang, strategi dan penglibatan buruh.

Dari segi informasi, Ezra menjelaskan bahawa orang Jepun tekun dan sentiasa ingin mendapatkan maklumat terbaru. Orang Jepun adalah bangsa yang gemar melancong. Walaupun begitu mereka melancong bukan sahaja untuk berseronok tetapi adalah untuk mengumpulkan maklumat dan idea-idea baru dan kemudiannya diaplikasikan ke dalam ekonomi mereka seperti mengenali corak pasaran barang, barang atau keperluan baru yang kian popular bagi sesebuah masyarakat dan sebagainya

Seterusnya, kebanyakan syarikat di Jepun sering bekerjasama dan tidak wujud persaingan yang tidak sihat. Ahli syarikat pula amat setia dengan syarikat serta tidak mendedahkan maklumat kepada syarikat lain. Jika terdapat teknologi baru yang mahal, maka setiap syarikat akan bergabung untuk membuat penyelidikan bersama dan sedaya upaya mendapatkan sumber pinjaman dari kerajaan untuk kos pembiayaan. Dalam mengutarakan pendapat pula, tidak wujud sebarang peraturan yang menghalang seseorang dari mengutarakan pendapat walaupun mereka hanyalah buruh biasa.

Syarikat Jepun lazimnya mempunyai perancangan jangka panjang yang teliti dan mantap. Contohnya MITI, telah membuat pelbagai rancangan serta mengadakan usaha mencari maklumat dan kemudian dinilai dan diedarkan. Dengan adanya maklumat terbaru, syarikat dapat mengesankan jenis barang baru yang hendak dikeluarkan. Jelasnya orang Jepun adalah masyarakat yang sentiasa peka dengan perkembangan semasa. Ia juga adalah kesan dari semangat *bushido* yang sentiasa peka setiap pergerakan musuh.

Menyentuh soal penglibatan buruh pula, Nabuyoshi Namiki dalam artikelnya “*how Japan overcame the oil Crisis*” mengketengahkan tentang dua faktor iaitu *intergroup dynamics* dan *system of control by intermediate Boss (leaders)*”. Dari segi *intergroup dynamics* pula ialah orang Jepun sentiasa menganggap tempat kerjanya sebagai tempat individu sepanjang

hayat dan bukan sahaja sekadar tempat mencari nafkah. Dengan perkataan lain, bagi orang Jepun, tempat kerja adalah hidupnya.<sup>14</sup>

Bentuk organisasi syarikat dianggap seperti satu keluarga. Oleh itu tumpuan yang lebih diberikan kepada syarikat. Dengan adanya organisasi berbentuk kekeluargaan juga, maka buruh tidak cenderung untuk meminta kadar upah yang tinggi bila syarikat menghadapi krisis malah buruh akan lebih giat bekerja mengatasi krisis syarikat untuk mendapatkan pulangan yang lebih baik. Syarikat pula sanggup mengurangkan keuntungan demi menjaga kebajikan buruhnya.

Dari segi *system of control* pula, hubungan antara orang atasan dan orang bawahan adalah intim. Orang atasan sering bertoleransi dan tidak memaksa orang bawahan menerima idea mereka. Dengan cara itu, maka pihak pengurusan akan mudah mengawal anak buahnya kerana ada hubungan secara langsung di antara kedua pihak.

segala corak dan etika ekonomi yang dimiliki oleh orang Jepun pada hari ini adalah bersumberkan kepada nilai etika *bushido*. Pengamalan terhadap semangat *bushido* ini telah membawa satu budaya kerja yang begitu unik di Jepun. Budaya kerja seumpama itulah yang telah menjadi resepi kejayaan Jepun dalam aspek ekonomi dan sering menarik perhatian daripada pelbagai bangsa lain di dunia.

#### **4.2.2 Sosial**

##### **a. Berserah Kepada Autoriti**

Orang Jepun amat patuh kepada autoriti. Idea tentang autoriti melebihi undang-undang dan keadilan dalam masyarakat bermula sejak zaman feudal di Jepun. Pahlawan di Jepun sentiasa mengiyakan perintah dan kata-kata ketuanya. Sifat patuh adalah polisi rakyat untuk melindungi dirinya sendiri. Ia juga telah melahirkan sifat taat yang amat sangat kepada ketua.. Nishikawa Joken seorang ahli falsafah Jepun menyatakan bahawa :

“Oleh sebab kelas bawahan tidak berupaya memainkan peranan yang dimainkan oleh kerajaan maka sepatutnya mereka akur sahaja dengan tindakan kerajaan, Idea tersebut bermula dengan kepatuhan terhadap maharaja.”<sup>15</sup>

Idea patuh terhadap autoriti berterusan sehingga ke hari ini dan membentuk sifat sosial orang Jepun yang begitu menghormati pegawai kerajaan dan berbudi bahasa serta cepat meminta maaf bila berurusan dengan pegawai atau orang atasan.

Selain dari itu, etika kesateriaan juga menuntut kepatuhan terhadap peraturan dan berdisiplin. Peraturan adalah landasan untuk memudahkan mengawasi dan mentadbir masyarakat. Dengan adanya peraturan juga, masyarakat dapat dibahagikan mengikut kumpulan tertentu untuk ditadbir. Selain dari itu, peraturan diwujudkan adalah untuk menjamin kesejahteraan hidup manusia. Justeru itu, golongan samurai amat mematuhi peraturan.

Dari segi ketamadunan pula, masyarakat yang menghormati dan patuh pada undang-undang adalah ciri-ciri masyarakat yang bertamadun.

Datuk Pahamin A. Rejab menjelaskan tentang sikap orang Jepun yang masih tebal dengan prinsip kepatuhan terhadap peraturan terutamanya di jalan raya dan ia dihubungkan dengan sikap pemandu Jepun yang begitu berhemat ketika di jalan raya : “Sikap pemandu di Jepun misalnya, kenderaan kecil sangat dihormati. Sebab itu pemandu basikal berasa selamat di jalan raya.”<sup>16</sup>

#### b. Perasaan Hormat

Orang Jepun sering dikatakan tenang, pendiam dan begitu menghormati orang lain. Sebenarnya ia juga adalah rentetan daripada sikap patuh dimana pada mereka, memuaskan hati semua orang adalah lebih baik kerana tidak akan mendatangkan permusuhan. Selain itu juga, mereka sentiasa menghormati orang tua dan sentiasa mengamalkan sikap yang disukai oleh orang lain terutamanya orang yang lebih berpengalaman serta tidak sekali-kali membantah.<sup>17</sup> Oleh itu, ia melahirkan sikap menghormati orang dan bersopan santun.

Dalam kod bushido juga amat menekankan soal kehormatan diri iaitu seseorang yang menghormati orang lain akan dihormati. Saigo adalah seorang samurai yang terkenal telah menyatakan bahawa :

"Jadikanlah tujuan hidup kamu untuk memberikan kehormatan kepada tuhan. Tuhan mencintai aku dan orang lain dengan cintanya yang sama ; kerana itu cintailah orang lain dengan cinta yang kamu berikan kepada diri kamu sendiri."

Justeru itu, masyarakat Jepun kini amat menghormati orang lain terutamanya golongan yang lebih tua dan lebih berpengalaman. Memberi penghormatan dengan menundukkan kepala masih kelihatan di jalan-jalan di Tokyo dan adat seumpama itu adalah sumbangan dari zaman pertengahan Jepun.

Gambar 4.0 : Adat menundukkan kepala tanda hormat bagi

orang Jepun



Sumber : Darlene Geis, *Mari Kita Melawat Jepun*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, 1968, hlm 22

**c. Sifat Tanpa Kendiri**

Dalam kod ketenteraan, orang yang berkuasa sentiasa dipatuhi dan mewujudkan sikap berserah dengan cara mengetepikan segala pemikiran dan kehendak diri serta sentiasa siap sedia melaksanakan perintah atau arahan orang lain. Keadaan ini membentuk sifat tidak mementingkan diri sendiri dan sentiasa bertolak ansur terhadap idea atau pandangan orang lain.<sup>19</sup> Dengan perkataan lain, orang Jepun percaya bahawa kehidupan ditentukan oleh kuasa di luar diri individu. Justeru itu, mewujudkan sikap tidak individualistik dan membentuk semangat berkumpulan yang kukuh kerana boleh bertolak ansur dan menyesuaikan diri dengan situasi.

**d. Fahaman Tentang Ketidak sempurnaan.**

Dalam kod *bushido* dijelaskan tentang konsep penderitaan dimana hidup tidak terlepas daripada penderitaan. Justeru itu di dalam diri setiap *bushi* diterapkan bahawa hidup adalah sesuatu yang tidak pernah sempurna. Fahaman tentang ketidak sempurnaan ini telah mendorong moral yang tinggi untuk mencapai kesempurnaan. Seandainya kesempurnaan gagal dicapai, mereka tidak akan merungut atau berputus asa kerana dalam peribadi telah ditanam bahawa hidup tidak sempurna dan perlu tabah menghadapi penderitaan.

Sikap berserah juga adalah kunci kepada ketabahan diri. Pada pemikiran *bushido*, kesukaran sentiasa mengekori manusia dan ia akan membawa satu penerapan kepada psikologi kesabaran. Sedia menerima kekosongan akan melahirkan sikap sanggup menghadapi risiko kehilangan atau kemusahanan.

e. **Kemurahan Hati Dan Prinsip Meminta Maaf**

Kelas samurai adalah kelas yang disanjung tinggi. Kedudukan istimewa itu tidak memungkinkan bagi mereka bergaul dengan kelas lain. Justeru itu mereka sentiasa mementingkan soal moral dan etika yang tinggi setaraf dengan kedudukan mereka seperti berbudi dan bersopan. Ia adalah ciri-ciri semula jadi yang terbentuk daripada pembentukkan prinsip moral masyarakat yang mempunyai hirarki seperti di Jepun.

Sehubungan dengan itu, semangat *bushido* yang diaplikasikan oleh orang Jepun juga telah memiliki ciri sama. Secara keseluruhannya, orang Jepun telah menganggap bahawa bangsa mereka adalah bangsa yang terpilih oleh dewa bagi memimpin manusia. Dan kerana faktor tersebut juga telah mendorong bagi orang Jepun untuk mengelakkan diri daripada bercampur gaul dengan bangsa lain. Keadaan ini telah membawa sifat yang sama sebagaimana yang dimiliki oleh kaum samurai.

Kajian oleh Prof. Sasuke Nakao dari Universiti Metropolitan, Osaka menjelaskan bahawa :

“ Orang Jepun kurang berhubung dengan bangsa lain, justeru itu membolehkan mereka memiliki budi bahasa yang amat tinggi sesuai dengan persekitaran mereka yang bercorak pertanian. Mereka memiliki kesabaran yang tinggi. Bangsa yang mengalami perlanggaran dengan bangsa lain maka semakin kurang kemungkinan orang itu mengakui kesalahan.”

Idea tentang keluhuran budi adalah amat berkaitan dengan konsep meminta maaf sebagai lambang kesopanan. Bagi orang Jepun, meminta maaf adalah perkara yang biasa dalam segala hal meskiapun bukan kesilapannya. Keadaan ini berbeza dengan bangsa Eropah. Meskipun bangsa Eropah mudah meminta maaf tetapi hanyalah dalam perkara yang remeh dan tidak melibatkan gantirugi seperti tersentuh dengan tidak sengaja atau sedawa.<sup>20</sup>

Shoichi Honda mengkaji tentang reaksi orang Jepun terhadap kesilapan yang dikaitkan dengan prinsip keluhuran budi menjelaskan bahawa :

“ Sebiji pingan berharga 1000 yen pecah. Jika dipecahkan oleh orang Arab. Mereka akan berkata “Pinggan itu sudah ditakdirkan akan pecah hari ini. Bukan niat saya memecahkannya.” Jika dipecahkan oleh orang Perancis, Mereka akan berkata “Jika pinggan Itali, ia tidak semudah itu untuk pecah” Jika dipecahkan oleh orang Jepun, dengan segera mereka akan berkata, “maafkan saya. Memang salah saya kerana ia pecah atas kecuaian saya.”

Berdasarkan penjelasan di atas, kelihatan orang Jepun lebih berani mengakui kesilapannya berbanding bangsa lain. Keadaan itu telah

menceerminkan bahawa dari aspek moralnya, orang Jepun adalah lebih bertanggungjawab dan ia adalah warisan daripada semangat *bushido* iaitu berani dan bersedia menanggung sebarang risiko.

#### f. Pandangan Tentang Alam

Kelas samurai yang mempraktikan *bushido* adalah juga dilingkugi oleh ekonomi yang berasaskan padi. Hakikatnya, masyarakat yang menjalankan ekonomi berbentuk pertanian amat bergantung kepada alam dalam menentukan jumlah hasil pengeluaran. Justeru itu, mereka amat menghormati dan meletakkan alam pada pandangan yang tinggi kerana ia dapat memberikan kebahagiaan dan penderitaan kepada mereka.

Justeru itu, dalam kod *bushido* telah diterapkan bahawa untuk mencapai ketenangan dan melepas penderitaan maka perlulah bersekutu dengan alam. Contohnya Toyotomi Hideyoshi adalah seorang pahlawan yang agung telah mempraktikan ajaran *bushido* dengan cara mempopularkan adat minum teh (*Cha-no-yu*) di Jepun sebagai satu cara memperolehi ketenangan diri. Toyotomi Hideyoshi adalah seorang penaklukan yang agung dan telah memiliki kuasa dan harta yang banyak serta tinggal di istana yang mewah. Kod *bushido* menekankan soal kesimbangan dalam pemikiran iaitu di antara jasmani dan rohani. Justeru itu, Hideyoshi sering melaksanakan adat *cha-no-yu* bagi mencapai kepuasan rohaninya.

Sebenarnya *cha-no-yu* telah diperkenalkan di Jepun sejak zaman Kamakura dan kemudian disesuaikan oleh Murata Juko sebagai satu cara berharmoni dengan alam bagi mencapai ketenangan rohani dan kemudiannya ia popular di kalangan kaum *bushi*. *Cha-no-yu* dijalankan di dalam sebuah bilik yang sederhana yang dibina dari atap dan berdinding kertas Jepun yang lut sinar. Bilik teh lazimnya tidak mempunyai perhiasan yang mewah tetapi sebaliknya hanya dilengkapi dengan hiasan yang sederhana seperti jambangan bungan (*Ikebana*).


**Gambar 4.1 : Perhiasan Ikebana**



Sumber : <http://www.ikebana-arts.com/>

Selalunya terdapat sebuah taman di sepanjang jalan menuju ke bilik teh bagi menimbulkan rasa kedamaian (*wabi*) dan ketenangan (*shibumi*) dan membawa konsep “*one in all and all in one*. ”<sup>21</sup>

**Gambar 4.2 : Ruang Bilik Teh Yang Sederhana Dan Tenang**



Sumber: Richard Storry and Werner Forman, *The Way of the Samurai*, Orbis Publishing Limited, London, 1978, hlm 46

Kini, adat *cha-no-yu* begitu popular di Jepun. Ia dilaksanakan sebagai satu cara orang Jepun untuk lari daripada ketegangan kerja. Tambahan Jepun telah menjadi sebuah negara industri yang maju dimana masyarakatnya bekerja kuat untuk menyara hidup. Justeru itu, mereka telah mempopularkan semula kaedah dalam ajaran *bushido* yang mementingkan meditasi bagi mencapai ketenangan rohani.

Selain dari itu, kelihatan hari ini, masyarakat Jepun juga masih memandang tinggi terhadap keindahan alam. Pemujaan terhadap kecantikan bunga sakura yang telah dijadikan bunga kebangsaan negara Jepun adalah juga daripada pengaruh semangat *bushido*. Bunga ceri atau lebih dikenali sebagai bunga sakura adalah bunga yang istimewa bagi masyarakat Jepun. masyarakat Jepun sering melambangkan kehidupan samurai adalah sama dengan bunga sakura. Era kegemilangan kaum pahlawan di Jepun muncul hanya seketika dalam sejarah Jepun namun keagungan mereka telah menjadi aspirasi kepada setiap bangsa Jepun sehingga kini. Bangsa Jepun amat terhutang budi dengan kaum *bushi* kerana mereka telah meninggalkan satu semangat yang membolehkan bangsa Jepun menjadi bangsa yang maju seperti hari ini.

Gambar 4.3 : Bunga Sakura



Sumber : <http://www.cherryblossom.com/1998/images/pic4.jpg>

kehidupan kaum *bushi* disamakan dengan sifat sakura yang unik kerana ia hanya akan berbunga dan kembang serta gugur dalam masa dua minggu iaitu sekitar pada bulan April. Ketika itu masyarakat Jepun akan menyambut hari yang dikenali sebagai *hanami* iaitu hari melihat bunga. Persekolahan di Jepun juga bermula pada minggu sakura berbunga dan berkembang kerana bagi orang Jepun setiap sesuatu yang ingin dilakukan haruslah bermula dengan hari yang ceria dan meriah. Selepas dua minggu, sakura akan hilang keceriaannya namun semangat ceria yang dibawa oleh sakura telah menjadi inspirasi dan aspirasi bukan sahaja kepada para penyair tetapi juga kepada seluruh bangsa Jepun. Oleh itu, bagi orang Jepun tiada bunga lain yang seistimewa sakura kerana ia membawa semangat yang

cukup kuat kepada seluruh bangsa Jepun sebagaimana semangat *bushido* yang dibawa oleh golongan *bushi* sehingga bangsa Jepun menjadi begitu dipandang tinggi sehingga ke hari ini.

#### g. Pandangan Tentang Agama

Orang Jepun bukan masyarakat yang monoteistik. Mereka berfikiran luas terhadap agama dimana agama yang berbeza diamalkan serentak. Contohnya, orang Jepun mengadakan upacara perkahwinan di gereja dan kemudian menziarahi tempat suci shinto dan menyambut perayaan bon menurut agama buddha serta menyambut hari Krismes pada 25 Disember. Orang Jepun tidak ada agama yang eksklusif dan tidak ada perbalahan mengenai masalah agama. Di samping itu, perkahwinan di antara masyarakat yang berlainan agama juga dibenarkan. Kebanyakan upacara agama biasanya dianggap tidak lebih hanyalah sebagai satu hiburan dan perayaan.

Keadaan ini adalah pengaruh daripada semangat *bushido* yang lebih menekankan soal pembentukan etika dan moral yang tinggi sehingga mencapai tahap spiritual. Contohnya persoalan tentang ketuhanan telah dihubungkaitkan dengan asal kewujudan maharaja iaitu yang berupa manusia. Dalam etika *bushido* telahpun meletakan satu prinsip kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada maharaja. Oleh yang demikian, kepercayaan terhadap ketuhanan telah sebatи dengan prinsip moral yang telah ditetapkan dalam kehidupan.

Dengan perkataan lain, kesan pengaruh semangat *bushido* yang kuat di kalangan bangsa Jepun telah menyebabkan mereka meletakkan nilai etika dan moral setanding dengan keutuhan spiritual. Justeru itu, upacara keagamaan disambut sebagai satu perayaan yang meriah. Lazimnya kebanyakan orang Jepun menyambut perayaan bukan kerana menghayati nilai keagamaan tetapi hanya sebagai satu cara untuk melepaskan diri dari ketegangan. Sehubungan dengan itu, perayaan disambut dengan mengadakan upacara minum *sakei* (arak) disamping mengadakan majlis tari menari. Bagi orang Jepun, *sakei* adalah air suci kerana ia memberi ketenangan fikiran dan dapat melepaskan manusia daripada tekanan dan penderitaan.

#### **4.2.3 Politik Dan Kenegaraan**

##### **a. Semangat Patriotik Dan Nasionalisme Yang Tinggi**

Orang Jepun memiliki semangat patriotik yang kuat terhadap bangsa dan negaranya. Semangat tersebut telah membawa satu kesedaran kepada bangsa Jepun untuk mempertahankan sempadan mereka dengan memperkuatkan modal sosial atau modal budayanya terutamanya budaya bahasa. Hakikatnya hari ini, bangsa Jepun amat menyanjung tinggi bahasanya.<sup>22</sup> Orang Jepun meskipun fasih berbahasa Inggeris namun mereka tetap menggunakan bahasa Jepun tanpa mencampur adukkannya dengan bahasa Inggeris. Sikap seumpama itu sudah tidak terdapat lagi di

kalangan bangsa lain terutamanya bangsa Melayu. Keadaan ini juga adalah berkaitan dengan semangat *bushido* yang masih tebal di kalangan orang Jepun iaitu mereka sanggup melakukan apa sahaja demi mempertahankan hak buadaya dan tanah air mereka.

Semangat nasionalisme yang tinggi jelas kelihatan semasa era peperangan di Jepun iaitu semasa perang China-Jepun, Perang Rusia-Jepun, Perang Manchuria dan Perang Dunia Kedua, dimana bangsa Jepun telah bersatu menentang negara lawannya meskipun ketika itu di Jepun sedang berlaku perbalahan politik. Salah satu faktor yang mendorong peperangan di Jepun adalah untuk mencapai kesepakatan di kalangan bangsanya. Dengan perkataan lain, bangsa Jepun akan bersatu jika ia melibatkan soal perbalahan dengan bangsa lain. Ini membuktikan bahawa bangsa Jepun mempunyai semangat nasionalisme yang tinggi.

Semasa Perang Dunia Kedua juga, tentera Jepun di Asia Tenggara telah cuba menerapkan budaya mereka iaitu seperti mengajar lagu kebangsaan Jepun di kalangan penduduk tempatan, mengadakan peraturan tunduk hormat dan menyemaikan ciri disiplin diri yang tinggi. Keadaan ini mencerminkan bahawa walaupun bangsa Jepun berada di luar negaranya namun ciri-ciri kebudayaan dan corak hidup mereka tetap terpelihara kerana bangsa Jepun sememangnya merupakan bangsa yang mempunyai semangat patriotik dan nasionalisme yang tinggi.

## b. Tidak Terlalu Taksub Dengan Parti Politik

Orang Jepun telah disemaikan dengan sikap patuh pada ketua dan maharaja adalah ketua tertinggi yang telah mencapai tahap ketuhanan. Prinsip kepatuhan itu telah melahirkan sikap tidak terlalu taksub dengan perkembangan parti politik di Jepun kerana bagi orang Jepun, biar siapapun yang menerajui parti politik, mereka tetap di bawah naungan maharaja.

Sehubungan dengan itu, media massa di Jepun jarang membicarakan tentang keluarga Maharaja kerana bagi mereka, maharaja adalah insan yang paling sempurna. Oleh itu, tidak perlu lagi membincangkan soal maharaja. Justeru itu, di Jepun jarang berlaku perbalahan di antara parti politik dan tidak kedengaran tentang rusuhan dan bantahan yang dilakukan oleh rakyat yang disebabkan oleh perihal politik.<sup>23</sup> Sikap seumpama itu juga adalah kesan daripada pengamalan semangat *bushido* iaitu kaum *bushi* amat setia dan patuh pada tuannya dan bagi mereka setiap pemimpin atau ketua ada tanggungjawab yang berat untuk dilaksanakan dan adalah wajar pula bagi mereka untuk mentaati ketua tersebut sebagai satu cara membalas budi ketuanya.

Tambahan pula, konsep kenegaraan Jepun melalui ideologi *kokutai* menganggap pentadbiran negara Jepun sebagai sebuah institus keluarga iaitu Maharaja dianggap sebagai bapa kepada seluruh rakyat Jepun (*honke*). Manakala pemimpin pula umpsama ahli keluarga yang lebih tua dan berpengalaman (*bunke*). Maharaja adalah sokongan psikologi dan

penyatuan bagi bangsa Jepun kerana hubungan antara maharaja dan rakyat umpsama hubungan bapa dan anak.<sup>24</sup> Justeru itu, rakyat Jepun harus patuh dan memberikan kesetiaan tanpa sebarang persoalan. Maharaja adalah segala tindakan dan emosi rakyat.<sup>25</sup> Institusi kemaharajaan yang masih kekal sehingga ke hari ini juga adalah kerana sumbangan semangat bushido dalam diri setiap bangsa Jepun.

### 4.3 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, budaya Jepun moden masih lagi didasari oleh pengaruh *bushido*. keadaan ini adalah disebabkan oleh faktor semangat *bushido* yang masih tabal di dalam diri setiap orang Jepun pada hari ini. Semangat tersebut telah sebatik dalam diri orang Jepun kerana pemupukannya yang begitu kuat sejak berabad-abad lamanya. Walauapun begitu, kemungkinan sebahagian daripada masyarakat Jepun hari ini tidak menyedari kewujudan semangat *bushido* dalam diri mereka. Umpama kata Hiroshi Minami iaitu “ikan tidak menyedari kehadiran air walaupun sepanjang hidupnya dihabiskan di dalam air.”<sup>26</sup>

## Nota hujung

- <sup>1</sup> Kamus Dewan Edisi Baru, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989, hlm. 165
- <sup>2</sup> Ibid, hlm. 1274
- <sup>3</sup> Robert N. Bellah, *Tokugawa Religion*, Beacon Press, 1970, hlm. 90
- <sup>4</sup> Madataka Kosaka, *The Useless and the Great*, Look Japan, hlm. i-iv
- <sup>5</sup> Dewan Masyarakat, Mac, 1998, hlm. 38
- <sup>6</sup> Ibid, hlm. 38-39
- <sup>7</sup> Inazo Nitobe, *Bushido: Jiwa Negara Jepun*, (terj) Wong Seng Tong, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, 1986, hlm. 125-133
- <sup>8</sup> Wawancara bersama En. Jaafar Jambi dari Ambang Asuhan Jepun, Universiti Malaya pada 7 Jun 2000, 11.15 pagi.
- <sup>9</sup> Dennis B. Smith, *Japan Since 1945 : The Rise of an Economic Superpower*, Mac Millan Press Ltd, London, 1995, hlm. 114
- <sup>10</sup> Rodney Clark, *The Japanese Company*, Yale University Press : New Haven, 1979, hlm. 260
- <sup>11</sup> John C. Thrush & R. Smith, *Japan's Economic Growth and Educational Change*, Ebha Press : Lincoln, Neb Raska, 1980, hlm. 22
- <sup>12</sup> Sharidan M. Tatsune, *Created in Japan : from Imitators to World Class Innovators*, Harper Business : New York, 1990, hlm. 4.
- <sup>13</sup> Lim Chong Yan (ed), *Learning from the Japanese Experience*, Maruzen Asia, Singapore, 1982, hlm. 41
- <sup>14</sup> Anthony G. Athos, Richard Tanner Passcale, *Seni pengurusan Jepun*, (terj) M.H. Safar, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988, hlm. 4
- <sup>15</sup> Hiroshi Minami, *Psikologi Orang Jepun*, (terj) Albert Ikoma, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1971, hlm. 10-15
- <sup>16</sup> Dewan Masyarakat, April 1998, hlm. 27
- <sup>17</sup> Hiroshi Minami, Op. Cit., hlm. 15
- <sup>18</sup> Inazo Nitobe, Op. Cit, hlm. 51-52
- <sup>19</sup> Sonda Hideharu, *Karya Lengkap Tentang Pendedahan Tingkah Laku Rakyat*, Taimeido, Tokyo, 1942.
- <sup>20</sup> Eiichiro Ishida, *Budaya Jepun : Kajian Tentang Asal-usul Dan Ciri*, (terj) Mokhtar Ahmad, Pustaka Cipta Sdn. Bhd., 1986, hlm. 3
- <sup>21</sup> Murukami Hyoe, Edward G. Seidensticker, *Guides to Japanese Culture*, Tokyo : Japan Culture Institut, 1977, hlm. 47
- <sup>22</sup> Dewan Masyarakat, Jun, 1998, hlm. 21
- <sup>23</sup> Wawancara bersama En.Jaafar Jambi dari Ambang Asuhan Jepun, Universiti Malaya pada 7 Jun 2000, 11.15 pagi.
- <sup>24</sup> Stephen S. Large, *Emperor Hirohito and Showa Japan : A Political Biography*, Routledge, London, 1992, hlm. 7.
- <sup>25</sup> Michinori Kobayashi, *The Emperor as the Mirror of Japan*, Japan Echo, hlm. 66-70
- <sup>26</sup> Hiroshi Minami, Op. Cit., hlm. xvii